# AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

© KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Diterbitkan pada tahun 2021 oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

**Bahagian Pendidikan Kesihatan,** Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1-3, Blok E10, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya



“Dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat, Beta menyambut baik pelaksanaan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi menyokong Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 agar dapat dicapai dan memanfaatkan rakyat Malaysia”

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI

**AL-SULTAN ABDULLAH RI’AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA’IN BILLAH**

“Kerajaan telah merangka **AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)** untuk memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara dengan menjadikan **KESIHATAN** sebagai **SATU KEUTAMAAN.**

ANMS akan diperkasakan dalam **MENDIDIK, MEMBINA KEMAHIRAN** dan **MEMBUDAYAKAN HIDUP SIHAT** sebagai **PERISAI PERLINDUNGAN** berhadapan dengan ancaman kesihatan, seterusnya meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti kehidupan rakyat.

Melalui pendekatan ***WHOLE OF NATION,*** kerajaan komited menjayakan ANMS bagi **KESEJAHTERAAN RAKYAT** melalui pemantapan ekonomi, kestabilan politik, keutuhan sosio budaya serta kelestarian kesejahteraan persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan **KELUARGA MALAYSIA.**”

**YAB DATO’ SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**
**Perdana Menteri Malaysia**



"Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kita akan hidup bersama COVID-19 sebagai **ENDEMIK.** Ini bermakna sekalipun kita berjaya mengawal pandemik COVID-19 dan mempunyai vaksin, pada masa yang sama, kita harus menerima hakikat bahawa COVID-19 akan kekal dan menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. ANMS berperanan meningkatkan **LITERASI KESIHATAN** dengan **MENDIDIK** dan **MEMPERKASA** rakyat untuk hidup bersama virus ini. Justeru, **PERUBAHAN SIKAP** serta **TINGKAH LAKU KESIHATAN** rakyat adalah amat penting dan mesti seiring supaya kita terus membudayakan **NORMA BAHARU** di samping membudayakan **HIDUP SIHAT** bagi mengukuhkan **SISTEM IMUN BADAN** dalam melawan dan mencegah penyakit."

**KHAIRY JAMALUDDIN**
**Menteri Kesihatan Malaysia**



“ Dua syarat utama menurunkan kadar jangkitan COVID-19 dalam komuniti adalah melengkapkan suntikan vaksin serta kekal mematuhi tindakan kesihatan awam dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Hari ini, rakyat dan seluruh Keluarga Malaysia, sedang bersedia untuk berada dalam transisi fasa endemik.

Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) merupakan agenda nasional yang perlu dijayakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Apa sahaja “fasa” yang sedang dilalui – ANMS memberikan penekanan kepada aspek pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran.

Aspirasi untuk mencapai maksud **“MALAYSIA MAKMUR, INKLUSIF DAN MAMPAN”** perlu diperkasakan dengan iltizam rakyat Malaysia sendiri untuk menjiwai dan membudaya aspek kesihatan dan persekitaran yang lestari.

Kejayaan ANMS akan banyak bergantung kepada penglibatan semua pihak – konsep ***WHOLE OF NATION*** akan dapat memastikan gelombang ANMS dapat dijiwai rakyat Malaysia di segenap peringkat. ”




**YB DATO’ SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN**
**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| LOGO | 2 |
| AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT | 3 |
| ISU DAN CABARAN | 4 |
| SISTEM IMUN BADAN | 5 |
| MANFAAT KEPADA RAKYAT | 6 |
| MATLAMAT, PENDEKATAN DAN OBJEKTIF | 7 |
| FASA PELAKSANAAN | 8 |
| KERANGKA PELAKSANAAN | 9 |
| RINGKASAN PELAKSANAAN | 11 |
| PELAN STRATEGIK | |
| **TERAS 1 :** MEMANTAPKAN PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT | 12 |
| **TERAS 2:** MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN | 13 |
| **TERAS 3:** MEMPERKASAKAN KAWALAN KESIHATAN KENDIRI | 14 |
| **TERAS 4:** MEMANTAPKAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN | 15 |
| TADBIR URUS | 17 |
| STRUKTUR JAWATANKUASA | 18 |
| JAWATANKUASA KABINET | 19 |
| MESYUARAT *PRE-COUNCIL* JAWATANKUASA KABINET | 21 |
| JAWATANKUASA PEMANDU | 23 |
| JAWATANKUASA TEKNIKAL PERINGKAT KKM | 25 |
| JAWATANKUASA TEKNIKAL KEMENTERIAN | 27 |
| PEMANTAUAN DAN PENILAIAN | 29 |

# LOGO

**Bunga Raya** merupakan bunga kebangsaan Malaysia, mewakili simbol nasionalisma yang menyasarkan semua rakyat Malaysia untuk mengamalkan teras-teras dalam ANMS ini, sekaligus membina imej yang baik dan sihat kepada negara

**Tunjang 'Stil'** mewakili kesejahteraan dalam rakyat di Malaysia

**Bulatan Kuning** melambangkan penglibatan ***WHOLE OF NATION*** dalam ANMS

Agenda Nasional Malaysia Sihat

**Ikon manusia** yang aktif di dalam kelopak Bunga Raya, mewakili latar rakyat sasaran utama ANMS untuk Malaysia yang lebih sihat

**Bulan dan bintang** mewakili ikonik kedaulatan dan perpaduan dalam Malaysia

**4 Kelopak Bunga Raya** mewakili 4 Teras yang terkandung dalam ANMS



# AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT

**AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)** yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2020 menggunakan pendekatan ***WHOLE OF NATION*** iaitu penglibatan secara menyeluruh Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan Swasta serta rakyat bagi memastikan pelaksanaannya adalah secara menyeluruh.

ANMS adalah tawaran baharu kerajaan *(new deal)* yang bertujuan **MENJADIKAN RAKYAT MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA MELALUI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT DAN KELESTARIAN PERSEKITARAN YANG MENYOKONG KESEJAHTERAAN KESIHATAN.**

ANMS meletakkan peningkatan taraf kesihatan rakyat Malaysia sebagai keutamaan melalui pembudayaan hidup sihat seperti hidup aktif, makan secara sihat dan selamat, tidak merokok, minda sihat serta kebersihan diri dan kebersihan persekitaran.

# ISU DAN CABARAN

Isu kesihatan perlu ditangani secara holistik. ANMS dilaksanakan berdasarkan justifikasi berikut :

## 1. KESIHATAN

Akibat perubahan cara hidup rakyat yang semakin moden, faktor urbanisasi dan globalisasi telah menjadikan isu-isu kesihatan satu cabaran dengan kemunculan pelbagai penyakit berjangkit dan tidak berjangkit. Kemunculan Pandemik COVID-19 turut menjejaskan kualiti kehidupan dan memberi cabaran kepada perkhidmatan kesihatan Negara.

## 2. EKONOMI

Memberi kesan secara langsung terhadap kerencatan aktiviti ekonomi dalam aspek permintaan, pengeluaran, pelaburan dan pendapatan. Negara menanggung beban yang tinggi dari segi kewangan untuk merawat penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit.

## 3. SOSIAL & BUDAYA

Aspek sosial dan budaya telah berubah dalam kehidupan rakyat Malaysia terutamanya dari segi kelaziman kehidupan harian kepada amalan norma baharu dan memberi kesan kepada kesejahteraan mental dan fizikal.

## 4. PERSEKITARAN

Cabaran dalam mewujudkan sebuah negara yang bersih, mampan dan sejahtera melalui pengukuhan amalan kebersihan dalam kalangan individu dan komuniti dalam usaha melestarikan alam sekitar serta persekitaran yang bersih.

# SISTEM IMUN BADAN

Sistem imun badan adalah amat penting untuk mencegah daripada mendapat penyakit selain sebagai kesiapsiagaan rakyat menghadapi sebarang ancaman kesihatan. Vaksin sememangnya terbukti meningkatkan imuniti badan dalam mencegah penyakit. Namun budaya hidup sihat yang konsisten menyokong memperkukuhkan IMUNITI badan mencegah dan melawan penyakit.

Justeru, rakyat Malaysia harus terus membudayakan hidup sihat yang disokong dengan persekitaran sihat bukan semata-mata untuk pencegahan penyakit berjangkit seperti COVID-19, malahan juga pencegahan penyakit tidak berjangkit seperti diabetis, hipertensi dan jantung.





# MANFAAT KEPADA RAKYAT

Rakyat dapat mengurangkan kos rawatan dan pemulihan penyakit akibat cara hidup dan persekitaran yang tidak sihat.

Rakyat dapat meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti kehidupan.

# MATLAMAT

Menjadikan **RAKYAT MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA** melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan.

# PENDEKATAN

**KESIHATAN** dijadikan **KEUTAMAAN** dalam semua **RANCANGAN PEMBANGUNAN** kerajaan/ agensi *(Health in All Policy)* melalui pendekatan ***WHOLE OF NATION.***

# OBJEKTIF

- Mempromosi pembudayaan hidup sihat untuk meningkatkan kesejahteraan kesihatan
- Menyediakan persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan
- Memperkasakan rakyat dalam kawalan kesihatan kendiri
- Memperkukuh kerjasama dalam kalangan rakan strategik untuk mencapai kesejahteraan kesihatan

# FASA **PELAKSANAAN**

**10 TAHUN**

**2 PENGGAL**

**4 FASA**

| SEPARUH PENGGAL PERTAMA | | SEPARUH PENGGAL KEDUA | |
|---|---|---|---|
| FASA PERTAMA (2020-2022) | FASA KEDUA (2023-2025) | FASA KETIGA (2026-2028) | FASA KEEMPAT (2029-2030) |

**TERAS 01**

Memantapkan **Promosi Pembudayaan Hidup Sihat**

**TERAS 02**

Memantapkan Perkhidmatan **Kesejahteraan Kesihatan**

**TERAS 03**

Memperkasakan **Kawalan Kesihatan Kendiri**

**TERAS 04**

Memantapkan **Kebersihan Persekitaran**

# KERANGKA PELAKSANAAN



# KERANGKA **PELAKSANAAN**

| TERAS ANMS | | | |
|---|---|---|---|
| T1: Memantapkan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat | T2: Memantapkan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan | T3: Memperkasakan Kawalan Kesihatan Kendiri | T4: Memantapkan Kebersihan Persekitaran |
| **STRATEGI ANMS** | | | |
| S1: Memperkukuh **PROMOSI** budaya hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan | S3: Memperkukuh **FASILITI** pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan | S5: Memantapkan pelaksanaan program **PEMERKASAAN** komuniti | S7: Meningkatkan **KESEDARAN** rakyat mengenai kebersihan persekitaran |
| S2: Memperkukuh rasa kepunyaan dan kecintaan terhadap pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan | S4: Memperkukuh **PERKHIDMATAN** pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan | S6: Memantapkan **KEMAHIRAN** kawalan kesihatan kendiri untuk kelestarian kesejahteraan kesihatan komuniti | S8: Memperkukuh usaha ke arah **KELESTARIAN ALAM SEKITAR** untuk kesihatan |
| | | | S9: **MEMPERKASAKAN** komuniti dalam memelihara kebersihan persekitaran |
| | | | S10: Mewujudkan **PERSEKITARAN YANG MENYOKONG KESIHATAN** |
| **PEMANTAUAN** | | **PENILAIAN** | |

# RINGKASAN **PELAKSANAAN**



**2** STRATEGI

**4** INISIATIF

TERAS **1**

MEMANTAPKAN PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT

**2** STRATEGI

**4** INISIATIF

TERAS **2**

MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN

**4** STRATEGI

**12** INISIATIF

TERAS **4**

MEMANTAPKAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

**2** STRATEGI

**4** INISIATIF

TERAS **3**

MEMPERKASAKAN KAWALAN KESIHATAN KENDIRI

# PELAN STRATEGIK

**TERAS** — **STRATEGI** — **INISIATIF**

**MEMANTAPKAN PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT**

## TERAS 1:

Memantapkan promosi pembudayaan hidup sihat bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat



S1 : Memperkukuh **PROMOSI** Budaya Hidup Sihat dan Kelestarian Persekitaran Yang Menyokong Kesejahteraan Kesihatan

1. Promosi Budaya Hidup Sihat dan Kelestarian Persekitaran Yang Menyokong Kesejahteraan Kesihatan melalui pelbagai **MEDIA** dan **AKTIVITI**
2. Promosi Budaya Hidup Sihat dan Kelestarian Persekitaran Yang Menyokong Kesejahteraan Kesihatan melalui **JURUCAKAP**

S2 : Memperkukuh rasa kepunyaan dan kecintaan terhadap Pembudayaan Hidup Sihat dan Kelestarian Persekitaran Yang Menyokong Kesejahteraan Kesihatan

3. Pengiktirafan Kepada Inisiatif Pembudayaan Hidup Sihat dan Kelestarian Persekitaran Yang Menyokong Kesejahteraan Kesihatan
4. Solidariti Promosi Budaya Hidup Sihat dan Kelestarian Persekitaran Yang Menyokong Kesejahteraan Kesihatan

### OBJEKTIF TERAS 1:

- **Meningkatkan kesedaran rakyat mengenai budaya hidup sihat.**
- **Meningkatkan literasi kesihatan rakyat dalam pembudayaan hidup sihat.**
- **Membudayakan hidup sihat ke arah kesejahteraan mental dan fizikal.**

# PELAN STRATEGIK

**TERAS** — **STRATEGI** — **INISIATIF**

**MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN**

TERAS **2:**

Memantapkan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan untuk rakyat melalui kemudahan yang disediakan

S3 : Memperkukuh **FASILITI** pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan

5. *Wellness Hub* sebagai fasiliti menyediakan perkhidmatan yang menyokong pembudayaan hidup sihat dan kelestarian untuk kesejahteraan kesihatan
6. *Wellness on Wheel (WoW)* sebagai fasiliti menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara *mobile* yang mudah diakses dan dekat dengan komuniti

S4 : Memperkukuh **PERKHIDMATAN** pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan

7. Menambahbaik perkhidmatan kesejahteraan kesihatan
8. Membangunkan Pelan Pembangunan *Wellness Hub*

## OBJEKTIF TERAS 2:

- **Memperluaskan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan menerusi *Wellnesss Hub* dan *Wellness on Wheel (WoW).***
- **Meningkatkan akses perkhidmatan ke arah kesejahteraan kesihatan rakyat.**
- **Mempertingkatkan kerjasama rakan strategik dalam menjayakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan kepada komuniti.**

# PELAN STRATEGIK

| TERAS | STRATEGI | INISIATIF |
|---|---|---|
| **MEMPERKASAKAN KAWALAN KESIHATAN KENDIRI** | S5 : Memantapkan pelaksanaan program **PEMERKASAAN** komuniti | 9. Memperluas program pemerkasaan kesihatan mengikut *setting* dan kumpulan sasar |
| | | 10. Memperluas program intervensi pemerkasaan kesihatan mengikut *setting* dan kumpulan sasar |
| | S6 : Memantapkan **KEMAHIRAN** kawalan kesihatan kendiri untuk kelestarian kesejahteraan kesihatan komuniti | 11. Bina upaya rakan strategik dalam kemahiran kawalan kesihatan kendiri |
| | | 12. Pemusatan pengoperasian sukarelawan dan ejen kesihatan secara bersepadu |

## TERAS 3:

Memperkasakan kawalan kesihatan kendiri dalam memastikan individu, keluarga dan komuniti mempunyai keupayaan, kemampuan serta kemahiran dalam menangani ancaman penyakit



## OBJEKTIF TERAS 3 :

- **Meningkatkan kemahiran dalam kawalan kesihatan kendiri.**
- **Meningkatkan penglibatan aktif rakan strategik dan rakyat dalam menjayakan inisiatif untuk kesejahteraan kesihatan.**
- **Memperkasakan komuniti dalam kawalan kesihatan kendiri.**

# PELAN STRATEGIK

| TERAS | STRATEGI | INISIATIF |
| --- | --- | --- |
| **MEMANTAPKAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN** | S7 : Meningkatkan **KESEDARAN** rakyat mengenai kebersihan persekitaran | 13. Mempromosi kebersihan persekitaran kepada rakyat<br>14. Mendidik kanak-kanak, remaja sekolah dan siswazah mengenai kebersihan persekitaran |
| | S8 : Memperkukuh usaha ke arah **KELESTARIAN ALAM SEKITAR** untuk kesihatan | 15. Mewujudkan persekitaran yang bersih dan selesa<br>16. Menambahbaik mekanisma pengurusan persekitaran<br>17. Membudayakan amalan sanitasi dan disinfeksi secara kendiri<br>18. Memperkasakan aspek kebersihan tandas |



## TERAS **4:**

Ke arah meningkatkan tahap kebersihan persekitaran melalui *HEALTHY SETTINGS* melibatkan *Healthy Schools*, *Healthy Villages*, *Healthy Workplaces* dan *Healthy Cities*

## OBJEKTIF TERAS 4 :

- **Meningkatkan amalan dan pembudayaan kebersihan persekitaran dalam kalangan rakyat.**
- **Meningkatkan kebersihan persekitaran ke arah kelestarian alam sekitar.**
- **Memperkasakan peranan komuniti untuk bersama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran.**
- **Mewujudkan infrastruktur yang menyokong kebersihan persekitaran dan budaya hidup sihat.**



| STRATEGI | INISIATIF |
|---|---|
| S9. **MEMPERKASAKAN** komuniti dalam memelihara kebersihan persekitaran | 19. Memperkasakan komuniti mengenai penjagaan kebersihan persekitaran dan kemudahan awam<br>20. Memperkasakan peniaga menjaga kebersihan premis perniagaan dan sekitarnya<br>21. Menggalakkan penglibatan komuniti dalam inisiatif komuniti sifar sisa (KOSIS)<br>22. Memperkasakan komuniti dalam pemantauan bersama |
| S10 : Mewujudkan persekitaran yang **MENYOKONG** kesihatan | 23. Mengarusperdanakan *(Mainstreaming)* pelaksanaan *Healthy Walkable City* (HWC)<br>24. Memperkasakan pelaksanaan Program Rakan Taman |

# **TADBIR** URUS

BAGI MEMASTIKAN RAKYAT MEMAHAMI DAN MENERIMA MANFAAT ANMS, TADBIR URUS BERIKUT DILAKSANAKAN :

**01**

## ADVOKASI DAN PROMOSI ANMS

Bagi memastikan rakyat memahami inisiatif ANMS, advokasi dan promosi ANMS dilaksanakan menggunakan pelbagai saluran media di pelbagai platform.

**02**

## MEMPERKUKUH **KOLABORASI** DAN **PERKONGSIAN PINTAR** DENGAN RAKAN STRATEGIK

Pelaksanaan ANMS melibatkan usaha rakan strategik bagi mendapatkan komitmen dan penyertaan semua pihak agar mencapai matlamat dan halatuju ANMS secara menyeluruh.

**03**

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

ANMS dipantau dan dinilai keberkesanannya berdasarkan kepada pencapaian keberhasilan yang ditetapkan. Kajian dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menentukan hala tuju bagi fasa seterusnya.



# STRUKTUR JAWATANKUASA

Penglibatan dan penyertaan semua kementerian secara holistik, menerusi pendekatan ***WHOLE OF NATION*** merupakan jaminan kepada kejayaan ANMS.

Setiap kementerian perlu menggerakkan agensi, rakan strategik, dan pemegang taruh untuk melaksanakan ANMS di semua peringkat berdasarkan inisiatif/program/aktiviti yang dirancang.

Jawatankuasa ANMS :

(i) Jawatankuasa Kabinet ANMS
(ii) Mesyuarat *Pre-Council* Jawatankuasa Kabinet ANMS
(iii) Jawatankuasa Pemandu ANMS
(iv) Jawatankuasa Teknikal ANMS Peringkat KKM
(v) Jawatankuasa Teknikal Kementerian

Komitmen semua kementerian dalam ANMS membolehkan pengurusan tertinggi setiap kementerian bertindak sebagai jurucakap berkaitan ANMS bagi mewar-warkan inisiatif/ program/ aktiviti yang dilaksanakan.

# JAWATANKUASA **KABINET**



| | |
|---|---|
| **PENGERUSI** | **YAB PERDANA MENTERI** |
| **AHLI TETAP** | **AHLI TETAP:**<br>▪ YB MENTERI KANAN (KLUSTER EKONOMI) KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI<br>▪ YB MENTERI KANAN (KLUSTER KESELAMATAN) KEMENTERIAN PERTAHANAN<br>▪ YB MENTERI KANAN (KLUSTER PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR) KEMENTERIAN KERJA RAYA<br>▪ YB MENTERI KANAN (KLUSTER PENDIDIKAN DAN SOSIAL) KEMENTERIAN PENDIDIKAN<br>▪ YB MENTERI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN<br>▪ KETUA SETIAUSAHA NEGARA |
| **URUSETIA** | **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** |

# TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA **KABINET**

**01**
Meluluskan hala tuju ANMS dan fokus bagi fasa-fasa seterusnya

**02**
Meluluskan sebarang inisiatif dan promosi kesihatan berkaitan ANMS

**03**
Meluluskan keperluan sumber bagi pelaksanaan ANMS

**04**
Meluluskan sebarang dasar dan polisi daripada pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani isu kesihatan nasional dan mewujudkan ekosistem yang menyokong budaya hidup sihat

**05**
Meluluskan laporan pencapaian dan kemajuan inisiatif

**KEKERAPAN MESYUARAT**
Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet ANMS diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun

# MESYUARAT *PRE-COUNCIL* JAWATANKUASA KABINET

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | KETUA SETIAUSAHA NEGARA |
| KEANGGOTAAN | ▪ SEMUA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN<br>▪ TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN JABATAN PERDANA MENTERI |
| URUSETIA | KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA |



# TERMA RUJUKAN MESYUARAT *PRE-COUNCIL* JAWATANKUASA KABINET

## 01

Meneliti dan membuat keutamaan cadangan berkaitan dasar, polisi, inisiatif dan promosi yang dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Pemandu ANMS yang akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet ANMS

## 02

Meneliti dan membuat keutamaan cadangan keperluan sumber dan kepakaran bagi pelaksanaan ANMS yang dicadangkan di peringkat Jawatankuasa Pemandu ANMS

## 03

Meneliti dan melapor pencapaian serta kemajuan inisiatif ANMS sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet ANMS

**KEKERAPAN MESYUARAT**

**Mesyuarat *Pre-Council* Jawatankuasa Kabinet ANMS diadakan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet ANMS**

# JAWATANKUASA **PEMANDU**

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | YB MENTERI KESIHATAN |
| KEANGGOTAAN | ▪ SEMUA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN<br>▪ KETUA PENGARAH KESIHATAN<br>▪ TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN JABATAN PERDANA MENTERI |
| AHLI TIDAK TETAP | ▪ AGENSI/JABATAN KERAJAAN<br>▪ BADAN BERKANUN<br>▪ PIHAK SWASTA<br>▪ PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) |
| URUSETIA | KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA |



# TERMA RUJUKAN MESYUARAT JAWATANKUASA **PEMANDU**

**01** — Memperaku isu kesihatan nasional secara menyeluruh serta hala tuju ANMS dan fokus mengikut fasa

**02** — Memperaku sebarang inisiatif dan promosi kesihatan berkaitan ANMS

**03** — Memperaku keperluan sumber dan kepakaran bagi pelaksanaan ANMS

**04** — Memperaku sebarang dasar dan polisi daripada pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani isu kesihatan nasional dan mewujudkan ekosistem yang menyokong budaya hidup sihat

**05** — Memperaku laporan pencapaian dan kemajuan inisiatif ANMS

**KEKERAPAN MESYUARAT**
Jawatankuasa Pemandu ANMS diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun

# JAWATANKUASA TEKNIKAL **PERINGKAT KKM**

**PENGERUSI**

KSU KEMENTERIAN KESIHATAN

**AHLI JAWATANKUASA**

- TKPK (KESIHATAN AWAM)
- TKPK (PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL)
- TKPK (PERUBATAN)
- PENGARAH BAHAGIAN/SETIAUSAHA BAHAGIAN
- WAKIL KEMENTERIAN

**AHLI TIDAK TETAP**

- AGENSI/JABATAN KERAJAAN
- BADAN BERKANUN
- PIHAK SWASTA
- PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

**URUSETIA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



# TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL **PERINGKAT KKM**

**01**

Meneliti isu kesihatan nasional secara menyeluruh dan mencadangkan hala tuju ANMS dan fokus bagi fasa-fasa seterusnya sebelum diangkat ke Jawatankuasa Pemandu ANMS

**02**

Menilai cadangan sebarang dasar, polisi, inisiatif dan promosi berhubung dengan ANMS daripada pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani isu kesihatan nasional sebelum diangkat ke Jawatankuasa Pemandu ANMS

**03**

Mengenal pasti dan mencadangkan serta menyelaras keperluan sumber ANMS

**04**

Menyelaras pelaksanaan inisiatif, promosi, laporan pencapaian dan kemajuan ANMS

**KEKERAPAN MESYUARAT**

**Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ANMS diadakan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ANMS**

# JAWATANKUASA TEKNIKAL **KEMENTERIAN**

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN |
| SETIAUSAHA | DITENTUKAN OLEH KEMENTERIAN MASING-MASING |
| AHLI JAWATANKUASA/ AHLI TIDAK TETAP | DITENTUKAN OLEH KEMENTERIAN MASING-MASING |
| *FOCAL POINT* | DILANTIK OLEH KEMENTERIAN SEBAGAI PENGANTARA / WAKIL KEMENTERIAN |
| URUSETIA | DITENTUKAN OLEH KEMENTERIAN MASING-MASING |



# TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL **KEMENTERIAN**

**01**
Mengenal pasti isu yang bersesuaian dengan ANMS di peringkat kementerian

**02**
Mencadangkan dasar, polisi, inisiatif dan promosi kepada JK Teknikal ANMS peringkat KKM

**03**
Menentukan keperluan sumber ANMS bagi kementerian untuk diselaraskan oleh KKM

**04**
Menyelaras pelaksanaan inisiatif/ promosi/ aktiviti peringkat kementerian

**05**
Melaporkan pencapaian pelaksanaan ANMS peringkat kementerian

**KEKERAPAN MESYUARAT**
**Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kementerian adalah mengikut keperluan Kementerian masing-masing**

# PEMANTAUAN

**Pencapaian ANMS daripada Kementerian dipantau dua kali setahun**

# PENILAIAN

**Dilaksanakan secara berkala**

| INDIKATOR | INSTRUMEN |
|---|---|
| ▪ Peningkatan Literasi Kesihatan Rakyat | ▪ Indeks Budaya Hidup Sihat (komponen Literasi Kesihatan) |
| ▪ Peningkatan Amalan Hidup Sihat | ▪ Indeks Budaya Hidup Sihat<br>▪ Indeks Belia Negara<br>▪ Indeks Budaya Sukan |
| ▪ Penurunan Prevalen Penyakit | ▪ Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi *(NHMS)* |
| ▪ Peningkatan Amalan Norma Baharu dan Pematuhan SOP<br>▪ Peningkatan Pengambilan Vaksin | ▪ Tinjauan Norma Baharu dan Pematuhan SOP<br>▪ Tinjauan Penerimaan dan Rekod Penerimaan Vaksinasi COVID-19 |
| ▪ Peningkatan Tahap Kebersihan Negara | ▪ Instrumen Pemantauan dan Penilaian Dalam Dasar Kebersihan Negara<br>▪ *Environmental Performance Index* |
| ▪ Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat | ▪ Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2030<br>▪ Indeks Kebahagiaan |

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA | www.moh.gov.my/anms